

1976

KUALA LUMPUR, 6 JULAI (BERNAMA) -- KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MENKAKSI SEMULA KANDUNGAN MATAPELAJARAN SIVIK BAGI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH RENDAH UNTUK MEMPERBAIKI LAGI MUTU PELAJARAN ITU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI MATAPELAJARAN TERSEBUT TELAH PUN DIJADIKAN SATU MATAPELAJARAN WAJIB BAGI MURID-MURID DARJAH 3 HINGGA KE TINGKATAN 5 SEJAK BEBERAPA TAHUN YANG LALU.

BELIAU MENJAWAB PERTANYAAN HAJI MOHAMED ZAIN HAJI ABDULLAH (BN-BACHOK) SEMASA SOALJAWAB DI DEWAN RAKYAT.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA SELAIN DARI MATAPELAJARAN SIVIK, KERAJAAN JUGA TELAH MEWAJIBKAN SEMUA SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN SUPAYA MENGADAKAN PELAJARAN UGAMA ISLAM KEPADA MURID-MURID ISLAM SELAMA 120 MINIT SEMINGGU. JIKA TERDAPAT LEBIH 15 ORANG MURID ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH ITU.

DISAMPING ITU, KEGIATAN-KEGIATAN UGAMA DI LUAR BILIK DARJAH JUGA DIADAKAN DAN DIGALAKKAN DI KALANGAN MURID-MURID SEKOLAH MENERUSI PERSATUAN UGAMA ISLAM YANG DIBENTUK DI SEMUA SEKOLAH.

BELIAU MENEGASKAN BAGAIMANAPUN LANGKAH-LANGKAH MENGATASI MASALAH KERUNTUNGAN AKHLAK DI KALANGAN ANAK-ANAK MUDA TIDAK BOLEH DIBE-  
BANKAN SEMATA-MATA KEPADA KERAJAAN MALAH IA MENJADI TANGGUNGJAWAS BERSAMA IBUBAPA DAN MASYARAKAT. -- BERNAMA 1643/1B